



PELAJAR berhimpit dalam sebuah van yang dipercayai beroperasi tanpa permit di sekitar Meru.

Oleh Nor Fariza Ramlan
bhnews@bharian.com.my

Van sekolah haram

Kenderaan beroperasi tanpa permit dipandu laju ancam keselamatan pelajar

“Nyawa pelajar yang berada dalam van itu seolah-olah menjadi bahan mainan apabila van haram terbabit dipandu laju dan membawa muatan berlebihan”

Mohd Fadzli Ramli
Penduduk

MERU: Kewujudan beberapa van yang bertindak sebagai ‘bas’ sekolah di sekitar perumahan ini, dipercayai beroperasi secara haram menimbulkan kebimbangan penduduk terhadap keselamatan pelajar.

Malah, penduduk mendakwa jumlah van haram itu dilihat semakin bertambah sejak kebelakangan ini, dengan pengusahanya sanggup mengambil mudah aspek keselamatan semata-mata untuk mengaut keuntungan lebih.

Mohd Fadzli Ramli, 23, berharap pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) melancarkan operasi bagi mengesan pemilik van haram terbabit.

“Sekarang setahu saya ada beberapa van beroperasi mengangkut pelajar tanpa

permit. Saya risau jika ia menjadi seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

“Apa yang menyedihkan ada segelintir pemandu van haram gemar memandu laju. Malah, saya sendiri pernah melihat pemandunya memotong lori di garisan berkembar,” katanya ketika ditemui *Sentral*.

Beliau berkata, nyawa pelajar yang berada dalam van itu seolah-olah menjadi bahan mainan apabila van haram terbabit dipandu laju dan membawa muatan berlebihan.

Peniaga alat tulis, Ramlah Safwan, 32, mengakui melihat beberapa van sering mengambill pelajar di sekolah rendah berhampiran kedainya.

“Kadangkala saya risau apabila melihat pelajar terpaksa berhimpit-himpit di tempat duduk penumpang dan ia sudah menjadi satu kebiasaan.

“Sebagai ibu, saya tidak mahu anak saya menaiki van yang tidak dapat dipastikan kesahihan lesen serta perमितnya kerana bimbang keselamatan.

“Sepatutnya semua ibu ba-

pa perlu terlebih dulu memeriksa latar belakang pemilik dan pemandu van itu,” katanya.

Ramlah berkata, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu memainkan peranan dengan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan seterusnya menyelesaikan masalah itu.

“Jangan selepas berlaku kejadian tidak diingini, baru hendak bertindak. PIBG perlu memainkan peranan membincangkan isu ini kerana ia membabitkan nyawa pelajar yang berulang-alik ke sekolah setiap hari.

“Perkhidmatan van sebegini akan bertambah baik jika orang ramai turut bekerjasama dan mematuhi undang-undang,” katanya.

Berita Harian 18/05/2010 edisi
M/S? Sentral

NOR FARIZA RAMLAN | BERITA HARIAN